

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL
(PENDANG)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 03.11.2015

Y.B. DATO' WIRA OTHMAN BIN ABDUL [PENDANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan hasil kutipan GST bagi membantu rakyat yang terjejas dengan kemerosotan ekonomi. Apakah bentuk bantuan yang dicadangkan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin memaklumkan bahawa hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2015 dianggar berjumlah RM222.5 bilion dan diunjur meningkat kepada RM225.7 bilion pada tahun 2016. Daripada jumlah tersebut, kutipan GST pada tahun 2015 dianggar sebanyak RM27 bilion manakala bagi tahun

2016, kutipan GST diunjur meningkat kepada RM39 bilion. Peningkatan ini dijangka dapat mengimbangi jangkaan penurunan hasil berkaitan petroleum berikutan kejatuhan harga minyak mentah dunia yang dianggar menyusut kepada RM31.8 bilion atau 14.1% daripada jumlah hasil keseluruhan berbanding RM43.9 bilion pada tahun 2015 (19.7%).

2. Ahli-ahli Yang Berhormat, perlu ditegaskan di sini bahawa di bawah Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan Malaysia, semua hasil dan wang yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan hendaklah dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Hasil daripada Kumpulan Wang ini akan digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus dan sebahagian daripada perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan ini turut meliputi usaha untuk membantu rakyat yang terjejas ekoran perkembangan ekonomi semasa.

3. Sehubungan dengan itu, bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah, hasil Kerajaan Persekutuan tersebut diperuntukkan bagi membiayai, antaranya langkah-langkah berikut:

- i. Meningkatkan amaun BR1M kepada maksimum RM1,050 mengikut kategori isi rumah dengan peruntukan sebanyak RM5.9 bilion (2015: RM5.2 bilion) yang memanfaatkan 4.7 juta isi rumah dan 2.7 juta individu bujang;
- ii. Menyediakan bantuan kepada pesawah, pekebun kecil dan penoreh getah melalui program peningkatan pendapatan dan produktiviti (di bawah RISDA dan FELCRA), penambahbaikan insentif pengeluaran getah, pelaksanaan inisiatif Pemutuan Sebenar Padi dan penambahbaikan Skim Subsidi Harga Padi;
- iii. Meneruskan Program Baucar Buku 1Malaysia dengan kadar bantuan RM250 untuk setiap pelajar di institut pengajian tinggi;
- iv. Meneruskan bantuan persekolahan RM100 kepada pelajar sekolah rendah dan menengah bagi isi rumah yang berpendapatan RM3,000 ke bawah; dan
- v. Menyediakan pelbagai bantuan secara tidak langsung dalam bentuk perkhidmatan sosial dengan bayaran yang minimum atau percuma. Contohnya, rawatan perubatan di klinik dan hospital Kerajaan, pendidikan di sekolah rendah, menengah dan di institusi pengajian tinggi awam serta biasiswa dan pinjaman pelajaran

4. Selain itu, Kerajaan masih meneruskan pemberian subsidi, insentif dan bantuan-bantuan lain seperti subsidi bagi barangan keperluan dan perkhidmatan asas termasuk subsidi harga beras dan minyak masak serta subsidi perbezaan kadar faedah dan subsidi kadar tol. Antara insentif bagi meningkatkan pendapatan rakyat terutamanya golongan petani dan nelayan adalah insentif pengeluaran padi dan insentif hasil tangkapan nelayan. Bagi tahun 2016, sebanyak RM26.1 billion atau hampir 12.1% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan diperuntukkan untuk subsidi, insentif dan bantuan kepada rakyat.

Langkah-langkah tersebut jelas menunjukkan bahawa Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kesejahteraan rakyat walaupun dalam melaksanakan langkah mengukuhkan kedudukan fiskal negara yang kini berdepan dengan cabaran ekonomi semasa. Semua langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah bagi memastikan negara mencapai status negara maju berpendapatan tinggi dengan rakyat dapat menikmati kualiti hidup yang lebih baik.